ANM

*Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang*

Ruj. Kami : ANM PG.500 6/6 (18)

**MAKLUMAN KEPADA SEMUA PTJ**

Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERUBAHAN KADAR PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN MULAI TAHUN TAKSIRAN 2013**

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas dan Arahan Kerja Bil.6/2012-Pengemaskinian Maklumat Bagi Tujuan Potongan Cukai Bulanan (PCB) Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa perubahan kadar pelepasan cukai pendapatan mulai tahun taksiran 2013 di mana ianya akan memberi kesan ke atas pengiraan jumlah potongan cukai bulanan (PCB) seseorang pegawai. Ini adalah termasuk kadar pelepasan bagi anak yang berumur 18 tahun dan ke atas yang sedang menerima pendidikan sepenuh masa serta pelepasan bagi anak kurang upaya (OKU) yang sedang menerima pendidikan diploma dan ke atas di Malaysia atau di peringkat ijazah ke atas di Institut Pengajian Tinggi di Luar Malaysia. Jadual kadar pelepasan cukai pendapatan tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Dalam pada itu, tuntutan pelepasan bagi **individu yang kurang upaya** sebanyak **RM6,000.00** dan/ atau **suami/ isteri yang kurang upaya** sebanyak **RM3,500.00** boleh dikemaskini dengan melengkapkan borang *PCB pind.1/2013* yang boleh dicetak bersama buletin ini. Borang tersebut hendaklah dikemukakan bersama SG20 mulai tindakan bulan April 2013 berserta **dokumen pengesahan dari Jabatan Kebajikan untuk pengesahan Orang Kurang Upaya (OKU)**. Borang pengemaskinian ini (melibatkan perubahan yang lain) hanya perlu dikemukakan sekiranya terdapat perubahan atau perbezaan dari maklumat asal yang telah dikemaskini sebelum ini.

4. Kerjasama pihak Y.Bhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan amatlah diharapkan agar menggunakan borang kemaskini maklumat bagi tujuan PCB yang terbaharu mulai tindakan bulan April 2013 dan seterusnya bagi memastikan maklumat yang diberikan dapat dikemaskini dengan betul.

Sekian, terima kasih.

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang
12 Mac 2013

***Nota:*** ***Mohon kerjasama semua Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang untuk memaklumkan kepada sekolah-sekolah di bawah seliaan masing-masing.***

**LAMPIRAN A**

# JADUAL KADAR PELEPASAN ANAK

| Bil. | Kategori Anak | Bilangan Tanggungan Lama | Bilangan Tanggungan Mulai Tahun Taksiran 2013 |
|---|---|---|---|
| 1. | Anak di bawah 18 tahun | 1 | 1 |
| 2. | Anak berumur 18 tahun ke atas yang masih belajar (termasuk STPM/ Sijil/ Matrikulasi) | 1 | 1 |
| 3. | Anak berumur 18 tahun ke atas dan menerima pendidikan sepenuh masa di peringkat diploma dan ke atas di Malaysia ATAU di peringkat Ijazah dan ke atas di Institusi Pengajian Tinggi di Luar Malaysia | 4 | 6 |
| 4. | Anak kurang upaya yang telah mendapat pengesahan dan diiktiraf oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat | 5 | 5 |
| 5. | Anak kurang upaya yang menerima pendidikan di peringkat diploma di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia ATAU di peringkat ijazah ke atas di Institut Pengajian Tinggi di luar Negara | 9 | 11 |

*Borang PCB pind.1/2013*

LHDN MALAYSIA

# LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
# BORANG KEMASKINI MAKLUMAT BAGI TUJUAN PCB

## BAHAGIAN A : MAKLUMAT PERIBADI

A1 Nama

A2 No. K/P

A5 No. Cukai Pendapatan SG /OG ( )

A3 No. Gaji

A4 Status * Perkahwinan

- K1 Bujang
- K2 Kahwin Pasangan Tidak Bekerja
- K3 Kahwin Pasangan Bekerja
- K3 Duda / Janda / Balu

A6a Individu Kurang * Upaya (OKU) Ya / Tidak

A6b Pasangan Kurang * Upaya (OKU) Ya / Tidak

A7 No. Pusat Pembayar

A8 Nama Pusat Pembayar

(* Tandakan " X " dipetak berkenaan)

## BAHAGIAN B : MAKLUMAT PELEPASAN ANAK

B1 Bil. Anak Yang Layak Mendapat Pelepasan

B2 Bil. Anak Yang Dituntut Diri Sendiri

B3 Bil. Anak Yang Dituntut Pasangan

*Nota : Pelepasan anak yang dituntut diri sendiri sahaja* B2 *diisi di ruangan bawah:*

| KATEGORI ANAK | BIL. ANAK | KADAR PELEPASAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Di bawah 18 tahun | | [ ] X 1 | |
| 18 tahun ke atas yang masih belajar (termasuk STPM / sijil / matrikulasi) | | [ ] X 1 | |
| Lebih 18 tahun dan sedang belajar sepenuh masa di peringkat diploma ke atas (Malaysia) atau peringkat Ijazah dan ke atas (luar Malaysia) | | [ ] X 6 | |
| Kurang Upaya | | [ ] X 5 | |
| Kurang Upaya Belajar di IPT | | [ ] X 11 | |
| B4 | KA | | |

## BAHAGIAN C : AKUAN

Saya

No. K/P mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar, betul dan lengkap.

Tandatangan

Tarikh

## BAHAGIAN D : UNTUK KEGUNAAN PUSAT PEMBAYAR GAJI

D1 Kategori PCB Di SG 20 [ K _______ KA __________ ]

*Rujuk* A4 & B4

D2
Nama Pegawai Penyemak : ........................
Jawatan : ........................
Tandatangan : ........................
Tarikh : ........................

***PERHATIAN :***

1) Maklumat di ruang A5 perlu dipindah ke No. 35 Borang SG 20

*** PASTIKAN NO. FAIL CUKAI PENDAPATAN YANG DIISI MEMPUNYAI 11 DIGIT (AKSARA) TERMASUK DALAM KURUNGAN ( )**

2) Maklumat di ruang D1 perlu dipindah ke No. 36 Borang SG 20